

ருக்குன் தெத்தாங்காவிற்கு மானியம்

★ ★ பகாங் மாநிலத்தில்
ருக்குன் தெத்தாங்கா
மேம்பாடு காண்புதற்கு
மத்திய அரசாங்கத்திடம்
இருந்து 18 லட்சம்
வெள்ளியை மாநில
அரசாங்கம் மானியமாகப்
பெற்றிருப்பதாக தேசிய
ஒற்றுமைத்துறை அமைச்சர்
தத்தோ ஹலிமா சடிக்கியு
கூறினார். 2ஆம் கட்டமாக
மொத்தமாக வழங்கப்பட்டுள்ள 26 லட்சம் வெள்ளி 547 ருக்குன்
தெத்தாங்கா வட்டாரங்களுக்குப் பயன்படுத்தப்படும் என்று அவர் கூறினார்.



Makkal Osai, Pg 9, 20/7/2020

Tajuk : Geran untuk Kawasan Rukun Tetangga

Ringkasan : Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, kerajaan Pahang menerima geran sebanyak RM1.8 juta daripada kerajaan Persekutuan bagi menyokong pelaksanaan pembangunan Kawasan Rukun Tetangga di negeri tersebut. Geran fasa kedua yang berjumlah keseluruhan sebanyak RM2.6 juta akan digunakan untuk pembangunan 547 KRT.

KRT Pahang terima geran RM1.8 juta

KUANTAN - Kerajaan Pahang menerima geran bernilai RM1.8 juta daripada kerajaan Persekutuan bagi menyokong pelaksanaan pembangunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di negeri itu.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, geran fasa kedua itu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.6 juta meliputi 547 KRT.

"Pemberian geran ini sudah dinaikkan. Sebelum ini KRT aktif hanya menerima RM6,000 tetapi dinaikkan kepada RM6,500," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Semarak Perpaduan Perkasa Komuniti di Pusat Aktiviti Perpaduan Daerah Kuantan, Permatang Badak malam kelmarin.

Hadir sama, Exco Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, Datuk Shahaniza Shamsuddin.

Halimah berkata, sebanyak RM326,398 diperuntuk-



Halimah menandatangani buku lawatan pada Majlis Semarak Perpaduan Perkasa Komuniti di Pusat Aktiviti Perpaduan Daerah Kuantan, Permatang Badak malam kelmarin.

kan kepada Skim Rondaan Sukarela (SRS), Taska Genius Perpaduan dan Tabika Perpaduan bagi operasi pasca koronavirus (Covid-19) untuk membeli kelengkapan bagi membendung penularan pandemik tersebut.

"Ini adalah satu peruntukan yang diberikan kepada seluruh SRS di bawah KRT, Tabika dan Taska bagi melengkapkan penyediaan kit peralatan Covid-19, selain penyediaan peralatan seperti cecair pembasmi kuman, penutup muka dan sebagainya,"

katanya.

Mengulas mengenai mesyuarat bersama barisan Exco Kerajaan Pahang, Halimah berkata, perbincangan itu membabitkan perancangan kementerian dan semua kerajaan negeri untuk mengadakan sesi konsultasi bersama pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta serta pemegang taruh kementerian.

Mesyuarat itu juga kata-katanya adalah mengenai kandungan Pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025.

Sinar Harian, pg 26, 20/7/2020